


**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 25 SEPTEMBER 2013 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	UMT cipta inovasi Absolute Heme	Sinar Harian
2.	Keadaan jerebu akibat cuaca kering berubah dalam tempoh singkat – Jabatan Meteorologi	Bernama.com
3.	East Coast in for wet year-end	The Malay Mail
4.	Ideas floated to brace for year-end floods	The Star
5.	Baby chokes on milk in nursery	New Straits Times
6.	Tahu anak meninggal melalui Facebook	Berita Harian

**KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (KAMPUS) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 25 SEPTEMBER 2013 (RABU)**

UMT cipta inovasi **Absolute Heme**



UNIVERSITI Malaysia Terengganu (UMT) sekali lagi mencipta nama sebagai pemenang anugerah pingat emas dengan inovasi *Absolute Heme: Marine Microbe Isolation* di Ekspo Teknologi Malaysia, baru-baru ini.

Sesuatu yang menakjubkan telah dihasilkan di mana UMT bersama-sama pakar dalam bidang berkenaan berjaya mencipta satu medium yang dikenali sebagai *Absolute Heme* yang boleh digunakan sebagai medium mempercepatkan sesuatu bentuk pertumbuhan di dasar laut.

Kumpulan ini yang diketuai Prof Dr Mohd Effendy Abd Wahid bersama-sama dengan tiga ahli kumpulan iaitu C Thirukanthan, Jasrizat Saidin dan Nor Atikah Mohamed Zin, bertungkus-lumus selama tiga tahun untuk membuat penyelidikan tentang bakteria baru itu.

Menurut Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi, Prof Dr Mohd Effendy Abd Wahid, pada masa ini, di pasaran dunia ada tiga jenis medium utama yang digunakan iaitu *cobell*, *merck* dan *oxoid* tetapi medium ini tidak boleh diaplikasikan untuk tumbuhan marin mikro.

"Penemuan bakteria baru ini, sekaligus memberi peluang besar untuk membaik pulih semula marin mikro yang telah rosak dalam masa singkat," katanya.

Apa yang boleh dibanggakan *Absolute Heme* ini telah menarik minat sebuah syarikat tempatan untuk mengkomersialkannya.

Melalui kerjasama dengan Artimal Sdn Bhd dan bantuan Pusat Jaringan dan Khidmat Komuniti (InComs) UMT dan setelah usul ini dihantar kepada Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) geran sebanyak RM4



Dr Mohd Effendy (kanan) dan kumpulan penyelidik menunjukkan sampel produk *Absolute Heme*.



PENEMUAN BAKTERIA BARU INI, SEKALIGUS MEMBERI PELUANG BESAR UNTUK KITA MEMBAIK PULIH SEMULA MARIN MIKRO YANG TELAH ROSAK DALAM JANGKA MASA SINGKAT.

- Prof Dr Mohd Effendy Abd Wahid



juta diluluskan di bawah CRDF 4.

Jika medium ini dikormersilkan salah satu produk yang boleh digunakan adalah seperti meletakkan bahan kimia tersebut dalam bekas-bekas plastik yang diguna untuk pembungkusan makanan, medium ini akan mempercepatkan lagi proses penguraian struktur plastik makanan tersebut.

Selain itu, medium ini juga boleh dicampurkan ke dalam larutan cat terutama cat di luar bahagian badan kapal. Masalah yang selalu dihadapi adalah apabila cat badan kapal ini bercampur dengan air laut, teritip akan senang menempel di sekeliling kapal dan cat yang digunakan berkemungkinan mempunyai kandungan bahan kimia yang boleh menjadikan ekosistem marin dan medium ini bermanfaat menghalang proses-proses ini daripada terjadi.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 25 SEPTEMBER 2013 (RABU)



Keadaan Jerebu Akibat Cuaca Kering Berubah Dalam Tempoh Singkat - Jabatan Meteorologi

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Peningkatan bilangan titik panas di Sumatera dan Kalimantan serta keadaan cuaca yang agak kering tiga hari lepas mengakibatkan beberapa kawasan di Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Kuching, Sarawak dilanda jerebu.

Bagaimanapun, menurut **Jabatan Meteorologi** dalam satu kenyataan hari ini, keadaan itu dijangka berlaku untuk tempoh yang singkat sahaja.

"Ini memandangkan corak tiupan angin dijangka akan berubah dalam tempoh tiga ke empat hari akan datang, iaitu angin barat laut dengan kelajuan sederhana yang akan bertiup di sebelah utara Semenanjung.

"Angin barat daya dengan kelajuan sederhana akan bertiup di bahagian tengah dan selatan Semenanjung dan Sarawak," menurut kenyataan itu.

Menurut jabatan itu, keadaan tiupan angin berkenaan dijangka membawa hujan terutamanya di negeri-negeri pantai barat Semenanjung dan beberapa bahagian di Sarawak.

Malaysia masih lagi mengalami monsun barat daya yang dijangka berterusan sehingga penghujung September ini, menurut kenyataan itu lagi.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
MALAY MAIL (NATIONAL) : MUKA SURAT 8
TARIKH : 25 SEPTEMBER 2013 (RABU)**

East Coast in for wet year-end

KELANTAN, Terengganu and Pahang have been warned that they are in for a wetter than the usual monsoon season in November and December.

Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Shahidan Kassim said the early monsoon was expected to lash the three states with rains in excess of 500mm.

Speaking after a briefing by the National Security Council, the Meteorological Services Department and the Drainage and Irrigation Department at Parliament yesterday, he warned: "If heavy rains were to hit the states in a short period, massive

flooding is expected."

Shahidan said government agencies had been told to ready rescue equipment, including air, land and sea assets.

He said all equipment would be placed close to areas determined to be at high risk to ease rescue operations.

"The Welfare Services Department has identified 4,969 relief centres which will be able to accommodate 1.3 million victims," he said.

Shaidan urged those planning to visit the three states in November and December to pay close attention to the weather warnings.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION): MUKA SURAT 16
TARIKH: 25 SEPTEMBER 2013 (RABU)

> Reports by MARTIN CARVALHO, RAHIMY RAHIM, LOSHANA K. SHAGAR and D. KANYAKUMARI

Ideas floated to brace for year-end floods

PREPARATIONS are being made to handle floods in November and December following the forecast of heavy rain during the year-end monsoon season, says Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Shahidan Kassim.

"The Meteorological Department reported that the country will encounter four to five episodes of heavy rainfall during the easterly monsoon season.

"Kelantan, Terengganu and Pahang

are expected to receive over 500mm of rainfall in November and December while Sarawak is expected to get over 500mm of rain in December and January 2014," he told reporters after chairing the National Security Council on Natural Disaster meeting at Parliament House yesterday.

He said the weather forecast was for rainfall to be brief but intense and coupled with high tides.

"All relevant agencies have been put on standby to prepare manpower

and equipment.

"The Welfare Department has also listed 4,969 flood relief centres that would be able to house 1.3 million flood victims," he said.

He added that most of the relief centres are located in Kelantan, Johor and Sarawak.

"Motorists are also advised to get the latest information from the state flood operations rooms on closed roads and alternative routes," he added.

Shahidan said the Government welcomed the involvement of the private sector, NGOs and volunteers in flood relief operations via the Welfare Department or related agencies.

He said the public could obtain information on the weather, sea conditions and flood warnings via www.met.gov.my, www.publicinfobanjirwater.gov.my, www.facebook.com/pages/PublicInfoBanjir, www.twitter.com/@portalbanjir

**KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 11
TARIKH : 25 SEPTEMBER 2013 (RABU)**

Baby chokes on milk in nursery

PUTRAJAYA: A five-month-old infant died yesterday, believed to have choked on his milk.

Mohd Danish Rayqal Ismail's body was discovered by his babysitter in a nursery when the babysitter went to get him for a bath around 3pm.

His mother, Zurinawati Ismail, 26, said she rushed to Putrajaya Hospital after receiving a Facebook message from the nursery owner.

"I don't know why the owner sent the message via Facebook, when my husband and I left our contact details with them. I have checked my phone. There were no missed calls or SMS," she said.

Zurinawati said her son looked bluish and medical personnel tried to revive him by shocking his heart using a defibrillator for nearly 30 minutes.

"My son and I were very close. My husband and I have yet to decide what to do next as we are waiting for the post-mortem results and the police to complete their investigation," said the secretary at the Science, Technology and Innovation Ministry.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 16
TARIKH: 25 SEPTEMBER 2013 (RABU)



Ismail bersama Zurinawati menunjukkan gambar Muhammad Danish Raykal yang meninggal akibat tersedak susu.

[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]

Tahu anak meninggal melalui Facebook

Putrajaya: Seorang bapa bukan saja sedih meratapi kematian bayinya yang baru berusia lima bulan dipercayai akibat tersedak susu, malah lebih memilukan kerana nasib malang menimpa anak tersayang hanya diketahuinya menerusi Facebook.

Ismail Ramli, 28, berkata beliau mendapat tahu kejadian itu selepas membaca Facebooknya lalu terus menghubungi pemilik pusat asuhan yang menjaga anaknya, Muhammad Danish Raykal di Presint 9, tetapi tidak mendapat jawapan menuaskan.

"Saya kesal perkara sebesar ini hanya diberitahu melalui Facebook, malah ketika ditanya hal berkenaan, dia (pemilik pusat asuhan) hanya jawab 'tak tahu' dan sekadar meminta saya segera ke bilik kecemasan Hospital Putrajaya.

Tubuh anak kebiruan

"Saya bergegas dari tempat kerja di Cheras dan sebaik tiba di hospital, lihat isteri sudah ada di situ. Kami masuk ke bilik kecemasan dan melihat tubuh Danish Raykal kebiruan. Saya dimaklumkan sebelum kami tiba, doktor sudah mencuba sedaya upaya memberikan bantuan kecemasan hampir setengah jam, tetapi tidak berhasil," katanya.

Ismail yang ditemui pemberita di rumahnya di Presint 9, berkata beliau sudah membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Putrajaya berhubung kejadian menimpa anaknya itu yang disahkan meninggal dunia kira kira jam 3.30 petang di Hospital Putrajaya.

Pusat asuhan minta maaf

Sementara itu, ibu bapa malang berkenaan, Zurinawati Ismail, 26, berkata ketika menghantar mangsa bersama kakaknya, Nur Damyya Zulaikha yang berusia dua tahun lapan bulan ke pusat berkenaan, arwah tidak menunjukkan sebarang perubahan.

"Dia seperti biasa, cuma malam sebelumnya, dia batuk tetapi tak teruk. Saya juga hanya tahu perkara ini melalui mesej di Facebook. Pemilik pusat asuhan ada meminta maaf dan mendakwa cuba menghubungi saya serta suami banyak kali, tetapi kononnya kami tidak menjawab panggilan.

"Apa yang menghairankan, saya langsung tak dapat panggilan berkenaan atau ada apa-apa mesej di telefon menyatakan ada menerima panggilan daripada pemilik pusat asuhan terbabit," katanya.